

RISALAH MAKLUMAT UNTUK PESAKIT

PYRIDOSTIGMINE



MINISTRY OF HEALTH
SINGAPORE



SINGHEALTH / PIL / M122R0



MENGENAL ubat anda

Ubat ini diambil untuk merawat simptom-simptom myasthenia gravis, sesuatu penyakit yang menyebabkan kelemahan otot. Ubat ini bukan penyembuh bagi penyakit ini.

BAGAIMANAKAH saya mengambil ubat ini?

Doktor anda akan menentukan jumlah ubat yang anda perlu berdasarkan keadaan anda. Ambil ubat ini mengikut dos yang dipreskripsikan oleh doktor anda.

Apabila anda kali pertama memulakan pengambilan ubat ini, doktor anda mungkin meminta anda menyimpan rekod harian untuk

- masa anda mengambil setiap dos.
- berapa lama anda berasa keadaan bertambah baik selepas pengambilan setiap dos.
- berapa lamanya anda berasa keadaan menjadi buruk.
- sebarang kesan sampingan yang berlaku.

Ini adalah untuk membantu doktor anda menentukan sama ada dos ubat ini perlu dipertingkatkan atau dikurangkan dan berapa kerap ubat perlu diambil supaya ia berfungsi paling berkesan untuk keadaan anda.

Pengambilan ubat dengan makanan dapat mengurangkan kesan-kesan sampingan.

Apa yang patut saya buat jika saya TERLUPA satu dos?

Jika anda tertinggal satu dos atau terlupa ambil ubat anda, ambil dos tersebut sebaik sahaja anda ingat. Namun, jika sudah menghampiri masa untuk dos yang berikutnya, maka tunggu sehingga masa tersebut dan biarkan sahaja dos yang terlupa. Jangan gantikan dos anda atau mengambil ubat yang berlebihan demi menggantikan dos yang terlupa. Jika anda sudah terlupa beberapa dos, sila panggil doktor anda untuk nasihat apa yang patut anda buat.

*Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak
Buang semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau sudah tidak diperlukan lagi*

Apakah KESAN-KESAN SAMPINGAN yang mungkin berlaku untuk ubat ini?

Ubat ini mungkin menyebabkan keaburan penglihatan, ketidakselesaan perut, cirit-birit, kesakitan kepala, berpeluh, kemerahan muka, sentakan otot atau peningkatan penghasilan air mata dan air liur. Kesan-kesan sampingan ini patut menjadi kurang apabila badan anda menyesuaikan diri terhadap ubat ini. Jika kesan-kesan sampingan berterusan atau menyebabkan kesusahan, beritahu doktor anda.

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai kesan-kesan sampingan berikut: kadar denyutan jantung yang luar biasa, pitam, ruam kulit, keguguran rambut, cirit-birit yang teruk, kelemahan otot anggota badan yang melampau, masalah pernafasan atau penelanan, kesusahan membuang air kencing, masalah bertutur atau kekeliruan.

Apakah LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Beritahu doktor dan ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat-ubat lain, sediaan-sediaan jamu, produk-produk nutrisi atau vitamin.

Anda mesti memberitahu doktor anda jika anda mengalami alahan terhadap sebarang ubat lain atau jika anda mengalami alahan semasa mengambil ubat ini. Simptom-simptom alahan termasuk salah satu atau lebih daripada yang berikut: kebengkakan muka/mata/bibir mulut, kesukaran bernafas atau kegatalan ruam kulit yang merebak.

Ubat ini mungkin menyebabkan keaburan penglihatan, kepeningan atau perasaan mengantuk. Jangan memandu atau mengendalikan mesin kecuali anda adalah segar sepenuhnya serta dapat melihat dengan jelas.

Beritahu doktor anda jika anda sedang menyusui anak, sedang hamil atau mungkin akan hamil semasa khusus rawatan.

Bagaimana patut saya MENYIMPAN ubat ini?

Simpan ubat di tempat yang kering pada suhu bilik, jauh daripada haba dan cahaya matahari langsung. Jangan simpan ubat di dalam peti sejuk kecuali diarahkan untuk membuat demikian.